

# MOT BULETIN

Edisi 4  
April 2018



## Fiesta NBOS Mesra Rakyat Bentong, Pahang 2018 Membawa perkhidmatan kerajaan terus kepada rakyat



JPJ). Selain daripada itu, pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) juga telah menyediakan perkhidmatan seperti penukaran topi keledar motosikal, penukaran minyak pelincir motosikal secara percuma dan pelbagai lagi perkhidmatan.

Para pengunjung karnival juga diberi peluang mendapatkan pemeriksaan kesihatan secara percuma termasuk pemeriksaan pergigian, kanser (Payudara, Servik, Prostat), mata dan telinga serta pemeriksaan jantung juga secara percuma oleh Institut Jantung Negara (IJN). Selain daripada itu, pelbagai perkhidmatan kerajaan lain turut ditawarkan terus kepada orang ramai melalui sembilan buah Pusat Transformasi Komuniti Bergerak atau Mobile CTC yang dikendalikan oleh NBOS termasuk perkhidmatan semakan wang tidak dituntut.

Apa yang menarik kali ini adalah penyertaan inisiatif Jualan Jimat Belanja Dapur dan lelongan ikan dan ayam dengan harga runtuh dan Jualan My Best Buy yang dianjurkan bersama dengan FAMA. YB Dato' Sri Liow sendiri telah berpeluang mengambil Bahagian dalam jualan lelongan yang mendapat sambutan hangat daripada para pengunjung fiesta. Selain daripada pameran menarik, perkhidmatan kerajaan dan jualan hebat, Fiesta NBOS ini turut menyediakan peluang keusahawanan bagi masyarakat setempat seperti latihan e-commerce, biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang e-commerce dan peluang pekerjaan dalam industri ini.



Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menganjurkan jelajah Fiesta NBOS yang akan diadakan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong, Pahang pada 15 April 2018 yang lalu bermula dari jam 7.00 pagi sehingga 5.00 petang. Fiesta ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia dengan anggaran hadirin seramai lebih daripada 6,000 orang.

50 Kementerian, Jabatan dan Agensi kerajaan seperti pameran MySafe Road @ Bentong, pameran dron, pameran simulator kereta dan pameran simulator kapal terbang dan pelbagai lagi pameran yang akan memberikan informasi kepada orang awam akan fungsi jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat.

Pelbagai acara dan pengisian menarik telah diadakan termasuk Fun Walk 10,000 langkah yang dikendalikan bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, terdapat lebih daripada 80 pameran yang mengambil bahagian yang melibatkan lebih daripada

Orang awam yang berkunjung ke Fiesta NBOS ini telah berpeluang menyertai sesi temuduga terbukayang menyediakan lebih daripada 800 peluang pekerjaan selain daripada pelbagai jenis perkhidmatan kerajaan yang ditawarkan. Misalnya, perkhidmatan Diskaun Saman PDRM sehingga 50% dan saman JPJ sehingga 70%, Kaunter IJPJ (Memperbaharui lesen memandu Malaysia, memperbaharui Lesen Kenderaan Motor, Semak dan Bayar Saman

## #Info Psikologi

“Kurang semangat mengakibatkan lebih banyak kegagalan berbanding kurangnya kebijaksanaan atau kemahiran”

# LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK PEMANGKIN TRANSFORMASI SEKTOR REL NEGARA

## Majlis Pecah Tanah

### Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru

Pada 3 April 2018 telah berlangsung satu majlis pecah tanah bagi projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri di Segamat. Turut hadir pada majlis tersebut adalah YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan serta YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan merangkap Ahli Parlimen Segamat. Lebih membanggakan, majlis tersebut telah dibanjiri oleh penduduk dan masyarakat warga Segamat bagi sama-sama menyaksikan satu lagi projek #InfraRakyat bagi kemudahan mereka kelak.

Pada masa ini, rangkaian jaringan kereta api di Malaysia adalah sepanjang 1,641.4km, dengan 46 peratus membatik trek berkembar elektrik. Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan projek landasan berkembar elektrik bermula pada tahun 2008 yang menghubungkan Ipoh dengan Padang Besar sepanjang 329km dan telah siap dan mula beroperasi pada tahun 2015.

Setakat ini laluan dari Gemas ke Padang Besar sudah memulakan perkhidmatan tren ETS (tren yang menggunakan kuasa elektrik berbanding tren Intercity yang masih menggunakan diesel). Manakala laluan dari Gemas ke Johor Bahru telah pun bermula dan dijangka siap sepenuhnya pada 2020. Laluan yang menggunakan perkhidmatan Tren Elektrik atau ETS kini mendapat begitu banyak permintaan daripada pengguna.

Ia bukan sahaja kerana ianya cepat (Kuala Lumpur ke Padang Besar hanya mengambil masa kurang dari 5 jam) tetapi ianya juga selesa, mesra pengguna dan selamat. Buat masa ini, KTMB menawarkan 36 perkhidmatan sehari daripada Gemas – Padang Besar.


Oleh yang demikian, projek PLBE GJB ini adalah pelengkap jaringan rel di antara utara dan selatan pantai barat semenanjung. Projek sepanjang 192km ini akan melalui 11 buah stesen baru yang akan dibina berkonsepkan identiti setempat negeri Johor bermula di sini di Stesen Segamat sebelum berakhir di Johor Bahru. Ia melibatkan pembinaan jambatan keretapi, jambatan sungai, jambatan jalanraya, landasan bertingkat, jambatan pejalan kaki dan motorsikal serta pembinaan terowong.

Apabila siap sepenuhnya pada tahun 2020 nanti, perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur Sentral hanya mengambil masa 4 jam sahaja, menjadikan keseluruhan masa perjalanan dari Johor Bahru ke Padang Besar di Perlis sepanjang 947 kilometer hanya 9 jam. Landasan berkembar elektrik ini membolehkan pengoperasian perkhidmatan Tren ETS dengan kelajuan purata 140km/sejam (160km/sejam maksimum) yang menggunakan kuasa



25,000 voltan. Projek ini dibina bagi keselesaan dan mobiliti rakyat dan bakal melonjakkan lagi sektor pengangkutan awam negara seterusnya menjana ekonomi negara. Ianya juga berteraskan Pembangunan Berorientasikan Pengangkutan atau Transport Oriented Development (TOD) yang mana kita akan dapat lihat bandar-bandar di sepanjang jajaran PLBE GJB ini bakal tumbuh dan membangun pesat dan seterusnya merencanakan sosio-ekonomi masyarakat setempat

Ia juga bakal mewujudkan begitu banyak peluang-peluang pekerjaan untuk anak tempatan kita terutama di Negeri Johor ini. Malah 99 peratus kontraktor merupakan syarikat dan kontraktor tempatan yang mana seramai 150 kontraktor Bumiputera berprestasi tinggi di Johor telah pun disenarai layak terbahit dengan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru. Dalam masa yang sama, integrasi sistem perkhidmatan KTMB dengan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang lain seperti bas dan teksi turut telah dirancang dan dilaksanakan di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti termasuk Segamat ini sendiri dan Johor Bahru.



Pembinaan Hentian Akhir Bandar (HAB) merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien, selesa dan selamat kepada rakyat khususnya di lokasi yang mempunyai penduduk yang tinggi iaitu Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley (GKL/KV). HAB merupakan satu usaha bagi menyokong inisiatif rangkaian bas henti-henti di sekitar Lembah Klang. Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan pembinaan HAB ini dengan tujuan untuk meningkatkan peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian (modal share).

Secara keseluruhannya, MOT telah pun membina sebanyak 5 projek HAB di Lembah Klang termasuk: HAB Wira Damai, HAB Seksyen 17 (dalam pembinaan), HAB Seksyen 19, HAB PJS 3/2 dan HAB Jalan Othman.

Pembinaan HAB di Jalan Othman, Petaling Jaya telah siap dibina pada 5 Mac 2018. Ia merupakan komitmen kerajaan kepada rakyat untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Pembinaan HAB Jalan Othman ini direka khas bagi menyepadukan pelbagai mod pengangkutan awam yang lain seperti perkh-



## Hentian Akhir Bandar (HAB) Jalan Othman, Petaling Jaya – satu lagi milestone pengangkutan awam bandar

matan bas dan teksi dengan menambahbaik aliran lalu lintas yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti surau, ruang tempat menunggu dan tandas awam bagi memberi keselesaan kepada pengguna. Kos pembinaan HAB Jalan Othman ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan sejumlah RM3.9 juta.

Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan turut membiayai projek-projek di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) seperti pembinaan HAB PJS 3/2, pembinaan Park n Ride di Taman Paramount, Taman Jaya, Taman Bahagia Fasa 2 dan Taman Bahagia Fasa 3.

**Jalan Othman Petaling Jaya  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**KEMUDAHAN UNTUK BAS**

**4** Unit petak bas  
untuk menunggu

**2** Unit petak bas  
untuk mengambil  
penumpang

---

**KEMUDAHAN TAPAK PEMAKIRAN KENDERAAN**

Pakir kenderaan awam  
OKU (barrier free)

Pakir awam

---

**ARAS BAWAH**

**Hentian Akhir Bandar  
(HAB)**

Ruang Legar

Pejabat  
Urusan

Ruang menunggu  
tertutup dengan  
penghawa dingin

Kaunter  
tiket

Bit polis

Kedai  
serbaneka

---

**ARAS SATU**

**16**  
Unit gerai

**Lot**  
premis yang besar

**Tandas**

**Surau**

## Warga Batu Pahat memeriahkan sambutan Hari JPJ ke-72

Pada 2 April yang lalu, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia telah mengadakan sambutan Hari JPJ yang ke-72 peringkat kebangsaan di Dataran BP Mall, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ab Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia.

Pada majlis tersebut, YB Datuk Ab Aziz Kaprawi juga telah melancarkan Nombor Pendaftaran Putrajaya Siri FB tawaran tender bermula pada 2 April 2018 hingga 16 April 2018 dan turut mengumumkan pengurangan kompaun saman diskaun 70 peratus, bermula daripada 2 April 2018 hingga 2 Mei 2018. Selain itu, dalam majlis ini juga pihak JPJ turut memperkenalkan logo sambutan Hari JPJ ke-72 ini kepada YB Timbalan Menteri.

Turut hadir pada majlis ini adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim dan Ketua Pengarah JPJ, YBhg. Dato' Sri Shaharuddin bin Khalid bersama-sama kesemua Pengarah JPJ Ibu Pejabat dan Negeri.

